

Selasa – 17 November 2020

Halaman : 22

22

SELASA, 17 NOVEMBER 2020 BH

JAGA SUNGAI KITA



‘Pelihara kelestarian Sungai Slim’

Aset bagi jana ekonomi, dimanfaat penduduk bagi kehidupan seharian

Oleh Rosman Shamsudin
bhnews@bh.com.my

Behrang: Semua pihak yang menjadikan hulu Sungai Slim sebagai sumber utama untuk menjana ekonomi atau menjalani kehidupan seharian perlu memelihi kelestarian sungai terbabit.

Pemilik Tapak Perkhemahan dan Chalet D' Pulau Tibang di kawasan perkampungan orang Asli, POS Tibang, Ulu Slim, Datuk Saharudin Zainal Abidin, berkata menjadi tanggungjawab bersama semua pihak yang menjadikan sungai sebagai aset bagi menjana ekonomi atau menjalani kehidupan seharian.

Katanya, sungai adalah tarikan utama bagi pengunjung atau pelancong dari luar datang untuk bercuti dan melakukan aktiviti sambil menikmati keindahan alam semula jadi.

“Sungai Slim yang bahagian hulu mempunyai kepentingan da-

lam ekopelancongan di samping digunakan oleh penduduk perkampungan Orang Asli bagi kelangsungan hidup.

“Namun, apabila ada segelintir pihak yang menggunakan sungai untuk menjana pendapatan tetapi pentingkan diri tanpa menghiraukan kepentingan sungai kepada orang lain menyebabkan kualiti air sungai itu makin rendah,” katanya ketika ditemui, dekat sini.

Sungai Slim di bahagian hulu menjadi tumpuan pelancong luar untuk menjalankan aktiviti rekreasi sambil menikmati panorama alam semula jadi.

Dijangka selepas penularan pandemik COVID-19 tamat, kawasan ekopelancongan di hulu sungai yang menyediakan pelbagai aktiviti rekreasi sungai bakal menjadi tumpuan kembali.

Saharudin berkata sungai adalah warisan khazanah alam semula jadi yang mempunyai kepentingan dalam kehidupan ma-


nusia di muka bumi ini.

“Oleh itu, saya berharap sesiapa sahaja atau pihak mana pun yang menjadikan sungai sebagai sumber ekonomi, menjadi tanggungjawab mereka memelihara sungai daripada tercemar.

“Saya bukan hendak menghalang mana-mana pihak untuk menggunakan sungai tetapi apabila menggunakan sungai perlu lah memelihara sungai itu kerana orang lain juga menggunakan sungai itu,” katanya.

Beliau berkata jika sungai tidak dipelihara dengan sistematik, la ma kelamaan sungai itu tercemar dan hidupan dalam air juga bakal terancam.

Katanya, sementara sungai belum dicemari dan boleh menjana ekonomi semua pihak perlu memelihara sungai bukan hanya untuk hari ini tetapi untuk generasi akan datang.



Kemudahan jambatan gantung yang disediakan kepada pengunjung di Sungai Slim.

Gua Musang: Dakwaan Orang Asli Batik, Kampung Kuala Koh, dekat sini, berikutan tragedi 15 kematian kaum itu pertengahan tahun lalu berpunca daripada penggunaan air sungai kotor. Air sungai menjadi keperluan mereka selama ini terletak berhampiran kampung itu dipercurai kotor kesan perlombongan bijih manganese.

Mereka kini beralih kepada penggunaan air Sungai Lubuk Kucing berhampiran kawasan Taman Negara Kuala Koh yang lebih bersih dan selamat digunakan. Seorang penduduk Orang Asli Batik, Kuala Koh, Kulim Tebu, 73, mengakui Sungai Lubuk Kucing itu terletak jauh sedikit daripada kampung itu.

Bagaimanapun, kata beliau, ia tidak menjadi halangan bagi penduduk untuk pergi ke kawasan sungai itu untuk mandi dan bermalam di situ. Katanya, air bersih bertapis me-

gedi terbabit, tetapi ia hanya untuk minum dan memasak sahaja.

“Bagi kita orang kampung ini yang hendak membasuh pakaian dan mandi terpaksa berjalan kaki ke Sungai Lubuk Kucing lebih selamat.

“Kita yang selalu berpindah un-

Air bersih bertapis memang sudah ada disediakan kerajaan di kampung ini selepas tragedi terbabit, tetapi ia hanya untuk minum dan memasak sahaja.

**Kulim Tebu,
Orang Asli Batik**

tuk mengambil angin luar dan rehat bersama keluarga kerap mendirikan khemah di tepi sungai terbabit,” katanya.


Seorang lagi penduduk Orang Asli Batik Papan Majid, 46, pula berkata, penduduk serik menggunakan air sungai yang pernah menjadi isu kotor sebelum ini.

Beliau berkata, bagi mengatasinya masalah itu, penduduk mengambil langkah alternatif menggunakan air Sungai Lubuk Kucing yang jernih.

Katanya, sungai lama yang pernah jadi kotor kerana aktiviti perlombongan bijih manganese tidak lagi menjadi tumpuan penduduk.

“Walaupun sungai itu terletak paling hampir dengan kampung kami tetapi ia tidak lagi menjadi tumpuan penduduk sama ada untuk keperluan mandi dan membasuh pakaian.

“Kita bimbang jika terus menggunakan air sungai berkenaan sebagai keperluan harian takut berulang tragedi jangkitan kuman yang menakutkan,” katanya.



Sungai Lubuk Kucing berhampiran Taman Negara, Kuala Koh, Gua Musang menjadi tumpuan Orang Asli Batik kerana air jernih dan bersih.

(Foto Ramli Ibrahim/BH)